

**EMBARGO UNTIL 4.30 PM 28.5.2021**



**SIDANG MEDIA KHAS**

**YAB KETUA MENTERI SARAWAK**

**BANTUAN KHAS SARAWAKKU SAYANG (BKSS) 6.0**

***"MERINGANKAN BEBAN RAKYAT"***

**28 MEI 2021 (JUMAAT)**

*Bismillahirrahmannirrahim,*

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.*

*Salam Sarawakku Sayang.*

Saya doakan agar semua berada dalam keadaan sihat walafiat.

## **EMBARGO UNTIL 4.30 PM 28.5.2021**

Berdasarkan trend kes-kes harian COVID-19 yang semakin meningkat di Sarawak, Kerajaan telah memutuskan untuk mengambil langkah-langkah yang lebih tegas dan ketat bagi mengekang penularan wabak COVID-19 dalam masyarakat dan menghalang penularan kes secara mendadak.

Langkah-langkah ini telah diumumkan oleh Pengerusi, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri semalam. Langkah ini sudah tentu akan memberi kesan kepada kita semua. Walau bagaimanapun, Kerajaan mengambil tindakan yang sukar ini demi menjaga keselamatan, kesihatan dan nyawa kita semua.

Kerajaan Sarawak yang prihatin sebelum ini telah melaksanakan 5 Pakej Bantuan Khas Sarawakku Sayang (BKSS) yang bernilai lebih daripada RM3.1 bilion telah sedikit sebanyak mengurangkan beban rakyat.

Hari ini saya akan mengumumkan Pakej BKSS 6.0 yang merangkumi 15 langkah yang telah diputuskan oleh Kerajaan Sarawak bagi meneruskan kelangsungan bantuan yang amat diperlukan rakyat akibat langkah MCO, dan CMCO atau PKP dan PKPB. Langkah-langkah ini merangkumi 9 langkah pembayaran tunai dan 6 langkah pemberian diskaun.

## **9 LANGKAH PEMBAYARAN TUNAI**

### **LANGKAH 1: INSENTIF UNTUK KETUA ISI RUMAH DAN INDIVIDU BUJANG B40 BERUMUR 21 TAHUN KE ATAS.**

Setiap Ketua Isirumah (KIR) B40 Sarawak akan menerima pembayaran tunai sebanyak RM250 sebulan untuk tempoh 6 bulan mulai 31 Julai 2021 hingga 31 Disember 2021.

Manakala individu Bujang B40 Sarawak yang berumur 21 tahun ke atas akan menerima pembayaran tunai berjumlah RM500 secara *one-off* atau sekali sahaja mulai 31 Ogos 2021.

**Senarai penerima bantuan adalah berdasarkan pada semua data penerima BKSS B40 sebelum ini termasuklah senarai penerima Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) 2021.** Pembayaran akan dimasukkan ke akaun bank masing-masing atau yang tidak mempunyai akaun bank boleh menuntut dari mana-mana cawangan Bank Simpanan Nasional.

Langkah ini akan melibatkan perbelanjaan Kerajaan Sarawak sebanyak **RM970 juta** dan akan memberi manfaat kepada **lebih dari 1.0 juta penerima.**

## **LANGKAH 2: ELAUN BULANAN KHAS PETUGAS BARISAN HADAPAN YANG MENANGANI PANDEMIK COVID-19 DI SARAWAK**

Kerajaan Sarawak juga amat menghargai sumbangan dan pengorbanan anggota barisan hadapan yang terlibat secara langsung dalam pengurusan pandemik COVID-19 dan terdedah kepada risiko jangkitan semasa menjalankan tugas di Sarawak.

Dalam hal ini, saya telah bersetuju supaya Elaun Bulanan Khas kepada petugas barisan hadapan untuk enam bulan iaitu:

- (1) RM300 kepada anggota kesihatan yang merangkumi doktor perubatan, jururawat dan kakitangan perubatan yang bertungkus lumus bertugas di hospital, klinik dan pusat-pusat kuarantin di seluruh Sarawak.
- (2) RM200 kepada pegawai dan kakitangan Imigresen yang bertugas di pos-pos kawalan sempadan di seluruh Sarawak.
- (3) RM200 kepada kakitangan PDRM dan Bilik Gerakan Negeri yang bertugas setiap masa untuk memastikan keselamatan dan ketenteraman awam.

**EMBARGO UNTIL 4.30 PM 28.5.2021**

- (4) RM200 kepada Angkatan Tentera Malaysia yang menjaga sempadan dan membantu mengekalkan ketenteraman awam.
- (5) RM200 kepada anggota-anggota RELA yang bertugas membantu kawalan keselamatan dan ketenteraman awam.
- (6) RM200 kepada anggota-anggota Kastam DiRaja Malaysia yang menjalankan tugas di semua pintu masuk sempadan, pelabuhan dan lapangan terbang di seluruh Sarawak;
- (7) RM200 kepada kakitangan Pihak Berkuasa Tempatan yang membantu melaksanakan tugas perkhidmatan kecemasan, kerja-kerja pemeriksaan dan sanitasi di seluruh Sarawak;
- (8) RM200 kepada anggota BOMBA dan Penyelamat dalam menjalankan perkhidmatan kecemasan dan kerja-kerja sanitasi, khususnya di kawasan berisiko tinggi; dan
- (9) RM200 kepada anggota Angkatan Pertahanan Awam (APM) yang membantu pihak PDRM dan ATM dalam memastikan pelaksanaan PKP dipatuhi sepenuhnya.

Kerajaan Sarawak akan membelanjakan lebih daripada **RM27 juta** untuk membayar Elaun Bulanan Khas ini.

### **LANGKAH 3: INSENTIF KEPADA PENGAMAL MEDIA BARISAN HADAPAN DI SARAWAK**

Kerajaan Sarawak menghargai pengorbanan dan sumbangan pengamal media barisan hadapan dan yang berdepan dengan risiko pandemik COVID-19 semasa bertugas di Sarawak.

Oleh yang demikian, kerajaan Sarawak menyediakan pembayaran tunai sebanyak **RM1,500** secara *one-off* atau sekali kepada pengamal media barisan hadapan.

Langkah ini akan melibatkan perbelanjaan kerajaan Sarawak sebanyak **RM900,000**.

### **LANGKAH 4: GERAN KEPADA PENJAJA DAN PENIAGA KECIL YANG BERDAFTAR DENGAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN MELALUI *SARAWAK PAY***

Para penjaja dan peniaga kecil merupakan golongan yang paling terkesan oleh pandemik ini. Oleh itu, Kerajaan Sarawak akan memberi Geran Khas berjumlah **RM1,500** kepada para penjaja dan peniaga kecil yang berdaftar dengan Pihak Berkuasa Tempatan yang akan dibayar secara 2 peringkat iaitu **RM750** pada bulan Julai dan **RM750** pada bulan Disember 2021 melalui *Sarawak Pay*.

Bantuan Geran Khas ini akan melibatkan perbelanjaan Kerajaan Sarawak lebih daripada **RM97.5 juta**.

**LANGKAH 5: INSENTIF UNTUK PEMILIK DAN PENGENDALI PENAMBANG YANG BERDAFTAR DENGAN LEMBAGA SUNGAI-SUNGAI SARAWAK (SRB)**

Penularan wabak COVID-19 telah menyebabkan penurunan drastik pengguna penambang khususnya para pelancong. Ini telah menjejaskan pendapatan pemilik dan pengendali penambang di seluruh Sarawak.

Kerajaan Sarawak prihatin dengan nasib pengusaha penambang. Oleh itu, bantuan tunai secara *one-off* iaitu sekali sebanyak **RM500** akan diberi kepada pemilik dan pengendali penambang berdaftar di Sarawak.

Bantuan ini akan memberi manfaat kepada **200** pemilik dan pengendali penambang dan diharap dapat mengurangkan beban kewangan mereka.

Langkah ini akan melibatkan perbelanjaan Kerajaan Sarawak sebanyak **RM100,000**.

## **LANGKAH 6: INSENTIF UNTUK PENGENDALI VAN PENUMPANG, PEMANDU TEKSI, PENGENDALI BAS DAN VAN SEKOLAH YANG BERDAFTAR DI SARAWAK**

Kerajaan Sarawak amat prihatin dengan kehilangan punca pendapatan pengendali van penumpang, pemandu teksi, pengendali bas dan van sekolah yang berdaftar di Sarawak akibat pandemik ini.

Oleh yang demikian, Kerajaan Sarawak akan menyediakan bantuan kewangan secara *one-off* iaitu sekali sebanyak **RM600** kepada **960** pengendali van penumpang, **1,980** pemandu teksi dan **740** pengendali bas dan van sekolah yang berdaftar di Sarawak.

Bantuan ini akan melibatkan perbelanjaan Kerajaan Sarawak sebanyak **RM2.20 juta**.

## **LANGKAH 7: BANTUAN KEWANGAN KEPADA PEMANDU E-HAILING DAN TENAGA PENGAJAR MEMANDU**

Bantuan kewangan sebanyak **RM500** secara one-off atau sekali kepada pemandu perkhidmatan e-panggilan (*e-hailing*) dan pengajar sekolah memandu. Pembayaran akan dibuat melalui aplikasi *Sarawak Pay*.

Langkah ini akan melibatkan perbelanjaan Kerajaan Sarawak sebanyak **RM1.6 juta**.



**LANGKAH 8: BANTUAN KHAS KEPADA AGENSI PELANCONGAN BERLESEN, OPERATOR HOMESTAY BERLESEN, PEMANDU KENDERAAN PELANCONGAN BERLESEN, PEMANDU PELANCONG DAN PEMANDU PELANCONG TAMAN NEGARA YANG BERLESEN**

Industri pelancongan merupakan industri yang paling terjejas akibat pandemik COVID-19. Perkara ini telah menyebabkan agensi pelancongan di Sarawak kehilangan sumber pendapatan kerana pembatalan lawatan oleh pelancong dan tidak ada tempahan untuk 6 bulan yang akan datang.

Bagi memastikan industri pelancongan bertahan dari krisis ini dan meneruskan kelangsungan perkhidmatan di sektor pelancongan, Kerajaan Sarawak akan memberi bantuan kewangan secara *one-off* atau sekali sahaja, iaitu:

- (1) RM3,000 untuk 216 Agensi Pelancongan berlesen;
- (2) RM600 untuk 568 Operator Homestay berlesen;
- (3) RM1,500 untuk 219 Pemandu Pelancong dan 173 Pemandu Pelancong Taman Negara yang berdaftar di Sarawak; dan
- (4) RM500 untuk 99 Pemandu Kenderaan Pelancong Berlesen.

Pemberian Geran Khas ini akan melibatkan perbelanjaan Kerajaan Sarawak sebanyak **RM1.63 juta**.

## **6 LANGKAH PEMBERIAN DISKAUN**

### **LANGKAH 9: DISKAUN BIL ELEKTRIK**

Diskaun 5% sehingga 25% ke atas bil elektrik bulanan kepada pengguna Domestik, Komersil dan Industri akan diteruskan untuk bulan Julai hingga Disember 2021.

Diskaun ini akan memberi manfaat kepada 647,000 isirumah, pengguna komersil dan industri di seluruh Sarawak. Kos keseluruhan diskaun bil elektrik ini berjumlah **RM166.8 juta** akan dibiayai oleh Kerajaan Sarawak.

**JADUAL 1: DISKAUN BIL ELEKTRIK**

<b>Kategori Pengguna</b>	<b>Diskaun</b>	<b>Jumlah Subsidi (RM Million)</b>
Domestik <sup>1</sup>	25%	<b>97.7</b>
Komersil C1 <sup>2</sup> , C2 <sup>3</sup> & C3 <sup>4</sup>	15%	<b>53.7</b>
Industri I1 <sup>5</sup> & I2 <sup>6</sup>	10%	<b>6.1</b>
Industri I3 <sup>7</sup>	5%	<b>9.3</b>

<sup>1</sup> Private dwelling purposes with no commercial or industrial activities in such premises

<sup>2</sup> Customer on normal commercial business with applied load less than 1.5MVA. Example business at normal shophouses.

<sup>3</sup> Customer on commercial business with applied load more than 1.5MVA. Without peak and off peak, billed with Maximum Demand / Contract Demand charges.

<sup>4</sup> Customer on commercial business (operating 24 hrs a day) with applied load more than 1.5MVA. With peak and off peak, billed with Maximum Demand / Contract Demand charges.

<sup>5</sup> Normal Industrial customer with applied load less than 1.5MVA

<sup>6</sup> Customer on industrial business with applied load more than 1.5MVA. Without peak and off peak, billed with Maximum Demand/ Contract Demand charges.

<sup>7</sup> Customer on industrial business (operating 24 hrs) with applied load more than 1.5MVA - with peak and off peak, billed with Maximum Demand / Contract Demand charges.

<b>JUMLAH SUBSIDI</b>	<b>166.8</b>
-----------------------	--------------

### **LANGKAH 10: DISKAUN BIL AIR**

Diskaun 10% hingga 25% ke atas bil air bulanan untuk pengguna Domestik, Komersil dan Industri akan diteruskan mulai Julai hingga Disember 2021. Diskaun ini akan memberi manfaat kepada lebih daripada 647,000 isi rumah di seluruh Sarawak. Kos keseluruhan diskau bil air ini berjumlah **RM32.1 juta** akan dibiayai oleh Kerajaan Sarawak.

### **JADUAL 2: DISKAUN BIL AIR**

<b><i>Kategori Pengguna</i></b>	<b><i>Diskaun</i></b>	<b><i>Jumlah Subsidi (RM Juta)</i></b>
Domestik (Isirumah penerima subsidi RM5 sedia ada)	25%	<b>14.6</b>
Domestik/Komersil	15%	<b>6.9</b>
Komersil	15%	<b>8.8</b>
Industri	10%	<b>1.8</b>
<b>JUMLAH SUBSIDI (RM Juta)</b>		<b>32.1</b>

## **LANGKAH 11: DISKAUN TAKSIRAN KADAR CUKAI PINTU**

Diskaun 25% untuk taksiran Kadar Cukai Pintu tahunan melebihi RM400 dan diskaun 30% untuk Kadar Cukai Pintu tahunan RM400 dan ke bawah untuk premis kediaman, komersil, industri dan premis pegangan khas mulai Julai hingga Disember 2021.

Langkah ini akan memberi manfaat kepada 185,000 premis di Pihak Berkuasa Tempatan dan sekaligus meringankan beban rakyat dan peniaga di Sarawak. Keseluruhan kos diskaun dianggarkan berjumlah **RM54.0 juta** ini akan dibiayai oleh Kerajaan Sarawak.

## **LANGKAH 12: DISKAUN 50% SEWA PASAR DAN GERAI**

Diskaun 50% sewa pasar dan gerai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk peniaga dan penjaja akan diteruskan bagi bulan Julai hingga Disember 2021. Bantuan ini akan memberi manfaat kepada lebih daripada 10,000 penjaja yang berdaftar yang menyewa pasar dan gerai di bawah PBT. Keseluruhan diskaun berjumlah **RM1.7 juta** akan dibiayai oleh Kerajaan Sarawak.

**LANGKAH 13: DISKAUN 50% SEWA SKIM PERUMAHAN PERBADANAN PEMBANGUNAN PERUMAHAN SARAWAK (HDC)**

Diskaun 50% sewa Skim Perumahan HDC akan diteruskan bagi bulan Julai hingga Disember 2021. Langkah ini akan memberi manfaat kepada lebih daripada 3,200 penyewa Skim Perumahan HDC di seluruh Sarawak. Kos keseluruhan diskaun ini dianggarkan melebihi **RM2.6 juta**.

**LANGKAH 14: PENGECUALIAN BAYARAN SEWA KEPADA PENGUSAHA KECIL DAN SEDERHANA (PKS) YANG BEROPERASI DI PREMIS-PREMIS PERNIAGAAN MILIK BADAN-BADAN BERKANUN DAN SYARIKAT-SYARIKAT GLC NEGERI**

Kerajaan Sarawak akan meneruskan pengecualian bayaran sewa kepada pengusaha Kecil dan Sederhana (PKS) yang beroperasi di premis-premis perniagaan milik Badan-Badan Berkanun dan syarikat-syarikat GLC Negeri seperti Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC), Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah Sarawak (LCDA) dan Lembaga Kemajuan Bintulu (BDA) bagi tempoh 6 bulan lagi iaitu Julai hingga Disember 2021.

Pengecualian bayaran sewa ini akan melibatkan kos sebanyak **RM2.0 juta** kepada Kerajaan Sarawak.

**LANGKAH 15: PENYEDIAAN BAKUL MAKANAN KEPADA ISIRUMAH YANG TERJEJAS SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN**

Bagi mengekang penularan pandemik COVID-19, tindakan Perintah Kawalan yang ketat di sesuatu kawasan perlu dikuatkuasakan. Untuk memastikan kebajikan penduduk dari segi akses bekalan makanan asas, Kerajaan Sarawak akan melaksanakan program Bakul Makanan kepada isirumah yang terjejas di seluruh Sarawak.

Peruntukan sebanyak RM250,000 akan diagihkan mengikut kawasan DUN masing-masing yang akan diuruskan oleh agensi Kerajaan Sarawak.

Kerajaan Sarawak akan membelanjakan **RM25.5 juta** bagi melaksanakan langkah ini termasuk kos pengangkutan.

## **LANGKAH BKSS 5.0 MASIH DALAM PELAKSANAAN**

Sepanjang tempoh pelaksanaan BKSS 6.0, terdapat 11 langkah dalam pakej BKSS 5.0 yang masih dalam pelaksanaan, akan turut memberi manfaat kepada rakyat Sarawak iaitu:

- (1) Diskaun 30% Cukai Tanah;
- (2) Penangguhan Pembayaran Premium Tanah;
- (3) Pengecualian Bayaran Permit Dan Lesen Perniagaan;
- (4) Pengecualian Pembayaran Lesen Hotel Dan Rumah Tumpangan;
- (5) Program Graduan Ke Arah Keusahawanan (GERAK) dan Usahawan Teknikal & Vokasional (USTEV);
- (6) Skim Kredit Mikro Sarawak untuk Pengusaha Kecil dan Sederhana (PKS);
- (7) Subsidi Faedah Bagi *Targeted Relief And Recovery Facility* (TRRF);
- (8) Pemansuhan Kadar Faedah 2% kepada 0% selama 3 tahun setengah di bawah Skim Kredit Mikro;
- (9) Skim Pinjaman Industri Kecil dan Sederhana (SPIKS);
- (10) Program *Go Digital* Sarawak; dan
- (11) Latihan Pemasaran Digital.

## **KESIMPULAN**

Saya berharap langkah-langkah dalam Pakej Bantuan Khas Sarawakku Sayang 6.0 dengan perbelanjaan Kerajaan Sarawak sebanyak **RM1.4 bilion** termasuklah langkah-langkah yang sedang dalam pelaksanaan sedikit sebanyak dapat membantu meringankan beban yang ditanggung oleh kita semua ketika melalui waktu yang sukar ini.

Kerajaan Sarawak sentiasa memikirkan langkah-langkah yang terbaik dalam melaksanakan inisiatif bagi membantu meringankan beban rakyat.

Kerajaan Sarawak juga mengutamakan keselamatan dan kesejahteraan rakyat agar terus terpelihara. Saya bersama dengan rakan-rakan dalam GPS akan terus menyumbang bakti dan memberi khidmat demi Sarawakku Sayang.

Terima kasih.